

BAB DUA

DIALOG PERADABAN

2.1 Pengenalan

Frasa dialog peradaban boleh dianggap baru dalam kamus ilmu politik dan sejarah manusia. Namun ia telah menarik minat di kalangan banyak pihak untuk meneroka dan membincangkannya, setidak-tidaknya untuk menjangkakan kesan baik buruk penganjurannya dalam konteks iklim politik dunia hari ini. Hal ini dapat difahami kerana suasana sejagat hari ini benar-benar berhajat kepada satu penyelesaian jangka panjang ke atas konflik atau perseteruan antara bangsa, negara atau agama. Sebagai suatu tragedi kemanusiaan, jika tidak dapat dibendung, pastinya konflik ini akan mengundang kemusnahan global.

Bagi kalangan umum pula, dialog peradaban sering disinonimkan dengan interaksi peradaban atau suatu forum diskusi antara peradaban secara ilmiah. Pelbagai persepsi lain mungkin boleh dicipta atau telah tercipta mengenai frasa ini.

Bab ini akan mengupas persoalan mengenai dialog peradaban ini dari sudut konsep, sejarah kemunculan dan pandangan-pandangan yang berkaitan dengan penganjuran dialog peradaban dari perspektif Islam dan Barat.

2.2 Konsep Dialog Peradaban

Rata-rata perbahasan sarjana mendapati bahawa idea mengenai dialog peradaban timbul atau dikemukakan sebagai reaksi ke atas keadaan konflik atau krisis antara pihak-pihak yang berseteru untuk mencapai perdamaian atau antara pemerintah yang majoriti dengan kelompok minoriti di sesebuah negara. Oleh yang demikian, dialog peradaban ini adalah anti-tesis kepada konsep pertembungan peradaban yang akan mewarnai atau mencorakkan suasana sejagat pada alaf ke-21 – sepertimana yang dicanangkan oleh Samuel P. Huntington dalam artikelnya yang bertajuk '*Clash of Civilizations?*' pada tahun 1993. Dialog peradaban menjuruskan matlamat dan sasaran ke arah resolusi ke atas konflik. Sebaliknya pertembungan peradaban menatijahkan tercetusnya konflik, yang bersifat sejagat, antara kuasa-kuasa besar dunia.

Namun di peringkat awal ini konsep yang jelas adalah sangat penting untuk memberikan tasawwur sebenar mengenai dialog peradaban dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya. Ini berikutan pelbagai definisi atau persepsi telah diutarakan tentang dialog ini oleh pelbagai pihak, sama ada di kalangan sarjana mahupun ahli politik dan orang ramai. Hakikatnya dialog peradaban adalah baru dari segi konsep – seperti

dalam pemikiran budaya dan politik semasa, namun tidak dari segi praktikalnya.¹ Sebagai permulaan penulis akan mentakrif istilah dialog dan peradaban sebelum memberikan definisi penuh dialog peradaban.

Mengikut Martin Forward,² istilah dialog bermakna “...*signifies worldviews being argued through to significant and potentially transformative conclusions, for one or more participants. It involves a much more consequential encounter.*”.

Bagi Profesor Leonard Swidler dialog ialah

*“...a conversation on a common subject between two or more persons with differing views, the primary purpose of which is for each participant to learn from the other so that she or he can change and grow. This very definition of dialogue embodies the first commandment of dialogue.”*³

Berdasarkan kepada definisi di atas, sesi dialog boleh membantu pemahaman dua atau lebih pihak yang terlibat melalui pertukaran atau perkongsian pandangan, nilai, hujah dan seumpamanya. Ringkasnya, dialog adalah suatu bentuk interaksi yang berlaku antara sesama manusia demi memenuhi motif atau matlamat tertentu.

¹ Semenjak 50 tahun lalu istilah dan seruan ke arah ‘dialog’ tidak pernah tercatat dalam sebarang perlembagaan dan perjanjian antarabangsa seperti Piagam PBB, Deklarasi Hak Asasi Manusia, Kovenan Antarabangsa mengenai hak Ekonomi, Sosial dan Budaya, Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, atau Deklarasi Prinsip Kerjasama Kebudayaan Antarabangsa. Lihat kertas kerja Dr. Abdulaziz Othman Altwaijri, Ketua Pengarah Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) bertajuk *Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspective*. 1417 H / 1997 M

² Lihat bukunya bertajuk *Inter-religious Dialogue: A Short Introduction* (Oxford: Oneworld Publications, 2001), hlm. 12

³ Lihat Profesor Leonard Swidler, “The Dialogue Decalogue” dlm *Journal of Ecumenical Studies-JES*, 1984

Manakala dalam Islam, saranan dan pengalaman berdialog dalam konteks perbincangan tema kajian ini adalah suatu hakikat yang jelas. Prinsip dan amalan berdialog adalah sebahagian warisan kebudayaan dan peradaban Islam. Menurut Dr. Abdulaziz Othman Altwaijri, dari sudut etimologi, beberapa istilah ‘Arab adalah berkaitan dengan istilah dialog. Misalnya ‘*al-hiwar*’ seerti dengan ‘dialog’ yang bermakna ‘*going back*’, “*they dialogue*” bererti ‘*they take and give in the course of speech*’, ‘*attahawor*’ pula merujuk kepada ‘*the act of engaging in a dialogue*’, “*alhaor*” adalah ‘*stepping away from something or going back to it*”, “*almohawara*” pula adalah ‘*resorting to logic and rhetoric in a dialogue*’.⁴

Dalil naqli daripada Al-Qur’an mencatat istilah dan seruan berdialog dalam Surah al-Kahfi ayat 34 dan Ayat 37 dan Surah al-Mujadila, ayat 1. Menurut at-Tabari, makna dialog yang sesuai diterima ialah “*taking and giving in the course of speech*” kerana ia menganjurkan toleransi, sifat baik dan minda yang seimbang.⁵

Manakala peradaban pula adalah istilah yang sangat luas maknanya tetapi sering didefinisikan secara sempit, khasnya oleh sarjana Barat. Kajian ulung dan sulung mengenai teori peradaban atau tamadun ini telah dilakukan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah pada abad ke 14 lagi sebelum sarjana Barat meneroka dan memberikan tafsiran mereka sendiri pada abad ke-18 M dahulu.⁶ Walaupun istilah peradaban telah ditakrifkan dari berbagai kaca mata selepas kajian Ibnu Khaldun, namun

⁴ Dipetik oleh Dr Abdulaziz Othman Altwaijri daripada *Lisanul-Arab Al Muheet*, Ibnu Manzur. Vol.1, hlm.751, Dar Ajjabal-Dar Lisanul-Arab Edition, Beirut 1988.

⁵ *Ibid.*

⁶ M.A.J. Beg, *Two Lectures on Islamic Civilization* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1983) hlm. 13-14

umumnya para sarjana berpendapat bahawa ia merujuk kepada segala bentuk pencapaian manusia yang bersifat kebendaan atau/dan bukan kebendaan, yang lahir dalam masyarakat manusia.⁷

Dalam sepanjang sejarah manusia, naik turun peradaban muncul silih berganti. Selain daripada Teori Linear – seperti yang didokong sarjana Barat oleh Quiggley dan Sprangler – dan Teori Kitaran oleh Ibnu Khaldun, antara teori terbaru dan khusus buat peradaban Islam ialah Teori Alunan yang dikemukakan oleh Akbar S Ahmed bagi menerangkan mengenai perkembangan peradaban manusia dari mula hingga ia musnah.⁸ Berikutan wujud keinginan menguasai dan meluaskan kuasa atau empayar – khasnya bagi peradaban Barat, atau didorongi faktor agama (*dakwah ilallah*) wujudlah persaingan, pertentangan dan penaklukan atau pembukaan (*futh* bagi peradaban Islam) bagi peradaban yang superior ke atas peradaban yang inferior.

⁷ Takrifan ini lebih bersifat holistik kerana ia melibatkan semua aspek diri manusia, seperti yang dikemukakan oleh para sarjana Islam. Lihat huraian Zulekha Yusoff, “Konsep Tamadun” dlm *Tamadun Islam: Konsep dan Pencapaiannya*, Azam Hamzah dan Zulekha Yussef, (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990). Namun bagi sarjana Barat, takrifan peradaban (*civilization*) mereka lebih tertumpu terhadap kemajuan dalam aspek lahiriah, misalnya dalam penciptaan sains dan teknologi. Walaupun masyarakat Eropah kaya dengan perkembangan seni dan pemikiran serta falsafah namun ilmu-ilmu ini bercambah dan berkembang melalui aktiviti penerokaan dan kajian yang berlunaskan kepada falsafah rasionalisme dan positivisme. Ilmu-ilmu ini justeru mencapai kemajuan kerana, mengikut pengalaman mereka, gereja tidak lagi mengongkong kebebasan berfikir. Sigmund Freud, seorang ahli psikoanalisis, mengatakan “*human life passes through three distinct psychological phases : superstition, religion and science. This being an era of science, so all religion was pronounced out of date.*” Lihat tulisan Muhammad Qutb bertajuk “Islam and the Crisis of the Modern World” dlm. *Islam: Its Meaning and Message* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1982) hlm. 243. Pengertian dan kenyataan peradaban yang dicipta oleh mereka bertitik tolak dari sekularisme, dan tidak lagi mendapat sentuhan dan pengaruh agama.

⁸ Hashim Haji Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001), hlm. 3-4

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas dan keadaan semasa yang menimbulkan keperluan mengadakan dialog, beberapa definisi mengenai frasa dialog peradaban boleh diperolehi mengikut kaca mata berikut.

Bagi Profesor Osman Bakar, sarjana falsafah sains dari Univerisiti Malaya mentakrifkan dialog peradaban sebagai :

*“a conversation between different civilations on fundamental and vital issues that confront contemporary man, as well as perennial issues which arise from the very nature of man and his existence, both individual and societal or collective”.*⁹

Manakala bagi International Center for Dialogue Among Civilizations, sebuah NGO di Iran, memberikan takrifan berikut yang lebih umum dan mencakup iaitu *“Any deliberate effort based on ethics, reason and non-violence, to understand the others in the cultural and civilizational areas.”*¹⁰

Jelas daripada definisi di atas bahawa dialog adalah suatu wasilah atau alat dan bukannya matlamat akhir. Ia adalah suatu yang tidak boleh dielakkan pada zaman ini bagi menggantikan kaedah perang dan diplomasi semasa era Perang Dingin dengan pendekatan budaya-peradaban.¹¹ Bagi menjamin kelancarannya, penganjuran dialog peradaban berhajat kepada pra-syarat dan prinsip asasi yang wajib dipatuhi bersama oleh

⁹ Lihat Osman Bakar, “Inter-civilizational Dialogue: Theory and Practice in Islam” dlm. *Islam and Civil Society in Southeast Asia*, Nakamura Mitsuo, Sharon Siddique dan Omar Farouk Bajunid, ed. (Sasakawa Peace Foundation: Tokyo, 2001), hlm. 166

¹⁰ Lihat *Mahjubah*, Vol.20, No.1(196), Jan 2001

¹¹ Lihat Zulkifli Salleh, “Sebuah Peradaban Dunia Melepassi Ketaasuban” dlm. *Dewan Budaya*, Julai 2001, hlm. 13

semua pihak sebelum ia dapat dilangsungkan dalam suasana aman dan bebas mengemukakan pandangan.

Ringkasnya dialog peradaban boleh kita rumuskan definisinya sebagai satu bentuk interaksi yang wujud di kalangan masyarakat pelbagai latar budaya, agama, bangsa, warna kulit dan seumpamanya, untuk memenuhi objektif kehidupan mereka sama ada dalam aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Interaksi ini dicapai melalui semua aktiviti rasmi dan tidak rasmi yang menggunakan pendekatan berbincang dalam hal-hal yang disebutkan tadi. Melaluinya umat manusia berpeluang mengenali antara satu sama lain.

2.3 Sejarah Kemunculan Dialog Peradaban

Umumnya setelah berkembangnya keturunan Adam dan Hawa, umat manusia terpecah kepada berbagai-bagai keturunan, bangsa dan etnik baru. Di tempat-tempat yang berlainan di seluruh pelusuk dunia di mana mereka berhijrah, mereka kemudiannya mengasaskan kumpulan masyarakat masing-masing. Dipengaruhi oleh iklim dan persekitaran tempatan, corak geografi bumi dan faktor-faktor sampingan lain serta digerakkan oleh keupayaan pemikiran masing-masing, masyarakat manusia ini seterusnya, secara evolusi, beralih dari corak kehidupan primitif kepada corak yang lebih maju hingga melahirkan budaya dan peradaban tersendiri.

Apabila keperluan kepada kehidupan – biologi, sosial dan politik – menjadi keutamaan yang terdesak dan tidak dapat dipenuhi oleh bekalan setempat, maka berlakulah interaksi dengan kelompok manusia dari luar budaya atau peradaban mereka sendiri. Dari sinilah fenomena interaksi peradaban – dalam bentuknya yang paling mudah berlaku. Seterusnya pada sepanjang zaman ia berlangsung dalam bentuk-bentuk yang berbeza dan lebih kompleks untuk memenuhi pelbagai matlamat kehidupan masyarakat yang berinteraksi.

Interaksi antara peradaban – dalam pengertiannya yang luas – berlaku sama ada dengan tujuan yang baik mahupun sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, catatan sejarah menunjukkan interaksi peradaban yang positif iaitu dialog peradaban telah berlaku untuk mencapai objektif kedamaian, perkembangan ilmu, perpaduan dalam masyarakat, menghapuskan dendam kesumat permusuhan dan sebagainya. Menurut Jørgen S. Nielsen, Profesor Pengajian Islam di Pusat Kajian Islam dan Hubungan Islam-Kristian, Universiti Birmingham :¹²

“Dialogue among the adherents of the major world religions has always taken place, especially but not only among the Abrahamic faiths: Judaism, Christianity and Islam. Excellent examples of this may be found in the midst of shared histories where we are more often presented with a record of conflicts. The high points must be the enormously rich and creative interactions which took place in mediaeval Islamic Spain and Southern Italy and at various times in places as far apart as Central Asia, Baghdad, Delhi, Cairo and in the Ottoman empire.”

¹² Jørgen S. Nielsen, *The Contribution of Interfaith Dialogue Towards a Culture of Peace*, Kertas kerja yang dibentangkan di *International Conference on Dialogue of Civilizations*, di Institute of Islamic Studies, London, 27 Oktober 2000.

Kajian oleh David Wilkinson¹³ pula daripada Department of Political Science, University of California, Los Angeles telah mendapati sekurang-kurangnya enam peristiwa boleh mewakili dialog peradaban dalam sepanjang sejarah kehidupan manusia. Dialog tersebut yang berusia sekitar 500 hingga 3500 tahun meliputi :

- (1) dialog antara kerajaan Mongol (Islam) dengan pemerintah Barat (Pope dan Raja Perancis). Ia berlaku sekitar abad ke-13 M.
- (2) dialog antara Firaun Mesir dengan Raja Babylon dan pemimpin Asia Selatan. Ia berlaku pada abad ke-3 -15 SM.
- (3) dialog antara Maharani Jepun dengan Maharaja dari Dinasti Sui di China. Ia berlaku sekitar abad ke-7 M.
- (4) dialog yang berlaku pada abad awal ke-16 M antara penakluk Sepanyol iaitu Hernando Cortes dengan Maharaja Aztec dari Mexico iaitu Moctezuma atau Montezuma.
- (5) dialog yang berlaku pada awal abad ke-16 M juga antara penakluk Sepanyol iaitu Francisco Pizarro dengan maharaja Inca dari Peru, iaitu Atahuallpa.
- (6) dialog antara Maharaja Moghul di India iaitu Akbar dengan kaum Muslim (ahlu sunnah, syiah, pendakwa Mahdi, sufi), penganut Hindu, Jain, Zoroastrians dan Jesuits. Dialog ini berlangsung pada akhir abad ke-16 M.

Daripada kajian di atas, semua contoh dialog peradaban ini berlaku dalam suasana aman, antara dua atau lebih pihak-pihak yang sebelumnya merupakan seteru politik,

¹³ Lihat kertas kerja beliau bertajuk *Studying the History of Intercivilizational Dialogues* yang dibentangkan semasa International Conference on the Dialogue of Civilizations di United Nations University, Tokyo, 31 Julai-3 Ogos, 2001.

agama atau bangsa. Semua peristiwa tersebut dan juga peristiwa-peristiwa lain yang tidak dicatatkan dalam kajian beliau adalah titik tolak yang penting dilihat dari kaca mata peradaban manusia. Ini adalah kerana ia mempamerkan isi hati nurani manusia yang cintakan kedamaian, keharmonian dan kesentosaan sesama manusia walaupun disempadankan oleh perbezaan semulajadi iaitu bangsa, kepercayaan, warna kulit dan seumpamanya.

Sekadar menghuraikan beberapa contoh, hasil interaksi antara peradaban - yang mendahului bentuk dialog peradaban sekarang - antara peradaban Islam dengan peradaban luar seperti Greek dan Yunani telah melahirkan peradaban baru Islam yang gemilang.¹⁴ Di samping mengasaskan disiplin ilmu baru, para sarjana Islam dan bukan Islam dalam peradaban Islam melakukan penyaringan, pembaikan dan kemudian memperkaya ilmu sedia ada warisan dari peradaban lama tersebut. Kemudian setelah berlakunya interaksi negatif iaitu pertembungan berdarah antara kerajaan Islam dengan kerajaan Barat (Eropah) dalam Perang Salib, perkembangan ilmu, misalnya dalam disiplin sains dan teknologi serta sosiologi berpindah pula ke peradaban Barat.¹⁵ Interaksi peradaban Islam dengan Barat ini adalah punca dan menjadi katalis kepada perkembangan ilmu moden hari ini.¹⁶

¹⁴ Walaupun, ada pendapat menyatakan bahawa kemuncak peradaban Islam hanyalah pada era Muhammad s.a.w. dan *Khulafa' ar-Rashidin* namun pengiktirafan tersebut boleh dikatakan berlaku sebelum interaksi dengan peradaban luar berlaku dengan aktif. Sarjana Islam yang berpendapat begini mengukur bahawa kemuncak peradaban manusia diukur dari segi nilai intrinsik manusia yang menggerakkan peradaban iaitu keimanan dan ketaqwaan, akhlak dan sahsiah dan bukannya pada keupayaan pemikiran dan pemilikan kekayaan material semata-mata.

¹⁵ Untuk maklumat lanjut lihat tulisan Azizan Baharudin, *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus* (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1986). Rujuk Bab 10 : Tamadun Islam Mengalir ke Eropah, hlm. 78-83 dan Bab 11 : Warisan Islam, hlm. 84-88

¹⁶ Malangnya hakikat ini telah dinafikan oleh Barat termasuk ahli akademik mereka sendiri. Mereka mendakwa bahawa perkembangan pesat ilmu mereka berlaku tanpa perantaraan dari peradaban Islam.

Kesan yang sama juga diperlihatkan oleh Peradaban China Baru hasil interaksinya dengan peradaban Barat melalui Laluan Sutera – misalnya menerusi penyerapan dan pengaruh Marxis, selain daripada aktiviti perdagangan – sehingga melahirkan kejayaan ekonomi dan pembangunan sosial sehingga menarik perhatian dunia suatu ketika dulu.

Daripada fakta sejarah di atas, dapat disimpulkan bahawa dialog peradaban adalah suatu kenyataan dalam sejarah manusia. Pada zaman silam, ia merupakan suatu bentuk interaksi antara peradaban bagi mencapai objektif murni demi kelangsungan kehidupan bermasyarakat dalam sesebuah negara. Berlatar belakangkan keadaan begini dialog peradaban telah berlaku sama ada secara formal mahupun tidak formal dan telah mencapai beberapa kejayaan.

Kini pada alaf baru, kerana didesak oleh tragedi yang memakan korban manusia secara besar-besaran, natijah daripada pertembungan dalam bentuk yang baru akibat ‘perang menentang terrorisme’ gagasan dialog peradaban timbul kembali. Ia menjadi satu fenomena pada abad ke-20 ini dan menjadi agenda yang diperjuangkan oleh NGO antarabangsa yang lengkap dengan keupayaan institusi, para aktivis profesional dan jaringan aktivis yang bersifat global.¹⁷ Ia dilihat sebagai suatu kaedah mencari titik damai antara pihak bersengketa, khususnya di antara Islam dan Barat yang kini bertanggungjawab mencorakkan iklim politik dunia.

¹⁷ Jørgen S. Nielsen. *The Contribution of Interfaith Dialogue*.

2.4 Asal usul Pemasyhuran Dialog Peradaban

Gagasan dialog peradaban dikatakan telah tercetus dan didorongi oleh tulisan provokatif Samuel P. Huntington dalam *Foreign Affairs*, vol. 72. no.3 (Summer 1993) bertajuk "*The Clash of Civilizations?*".¹⁸ Dalam artikel tersebut beliau mengemukakan tesis baru mengenai alasan atau faktor sebenar yang menyumbang kepada suasana konflik antarabangsa menjelang abad ke-21 selepas berakhirnya Perang Dingin pada tahun 1989. Beliau menegaskan bahawa :

*"In this new world the most pervasive, important, and dangerous conflicts will not be between social classes, rich and poor, or other economically defined groups, but between people belonging to different cultural entities."*¹⁹

Konflik ini, menurut Huntington, melahirkan pertembungan peradaban (*clash of civilizations*).²⁰

Namun apabila pusat permasalahan dalam konflik ini disasarkan kepada Islam, niat Huntington jelas sekali mempamerkan mentaliti dan objektif tradisi orientalis yang sering mencari titik kelemahan Islam untuk dipersalahkan atau dimomokkan sebagai punca kemunduran dan seumpamanya. Ini jelas disuratkan dalam tulisannya :

¹⁸ Artikel ini kemudian dikembangkan lagi, dengan penambahan hujah-hujah baru ilmiah, menjadi sebuah buku bertajuk "*The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*" yang diterbitkan pada 1996.

¹⁹ Samuel P Huntington, *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order* (New York: Touchstone Rockefeller Center, 1966), hlm. 28

²⁰ Namun, mengikut Prof. Dr. Frederick M.Denny dari University of Colorado, frasa "Pertembungan Peradaban atau *Clash of Civilizations*" – seperti yang digunakan oleh Huntington itu – bukanlah merupakan idea asal beliau. Sebaliknya ia berasal dari tulisan Bernard Lewis bertajuk "*The Roots of Muslim Rage*" dalam *Atlantic Monthly* keluaran September. Lihat artikel "American Perceptions of Islam and Muslims" oleh profesor berkenaan dalam buku *Towards A Positive Islamic World-View: Malaysian and American Perceptions* (IKIM: Kuala Lumpur, 1990), hlm. 71

“On the Eurasian continent, however, the proliferation of ethnic conflict, epitomized at the extreme in ‘ethnic cleansing’, has not been totally random. It has been most frequent and most violent groups belonging to different civilizations. In Eurasia the great historic fault lines between civilizations once more aflame. This is particularly true along the boundaries of the crescent-shaped Islamic bloc of nations from the bulge of Africa to central Asia. Violence also occurs between Muslims, on the other hand, and Orthodox Serbs in the Balkans, Jews in Israel, Hindus in India, Buddhist in Burma and Catholics in the Phillipines. Islam has bloody borders.”²¹

Menurut Huntington lagi gabungan peradaban Islam dan peradaban Sinik (Sino-Konfusianisma) akan berkonflik dengan peradaban Judeo-Kristian Barat. Fenomena baru ini bakal menjadi ancaman terbesar kepada dunia masa depan.

Tulisan ini kemudiannya telah mengundang respons hangat dan berpanjangan dari kalangan para sarjana sains politik dan sosial dan yang berkaitan dengannya di peringkat antarabangsa. Di samping yang sehaluan dengan tesis Huntington, wujud juga kritikan ilmiah tajam yang menolak andaian Huntington. Edward Said misalnya mengeluarkan sebuah tulisan bertajuk ‘*The Clash of Ignorance*’ yang mengkritik dakwaan dan andaian Huntington yang prejudis dan penuh kelemahan. Kelemahan dan kedangkalan serta keketatan analisis Huntington disinggung Said, dengan katanya :

“... , but it is better to think in terms of powerful and powerless communities, the secular politics of reason and ignorance, and universal principles of justice and injustice, than to wander off in search of vast abstractions that may give momentary satisfactions but little self-knowledge or informed analysis.”

²¹ Huntington, hlm. 32

Tulisan beliau cuba memperbetulkan tesis Huntington bahawa sebenarnya konflik boleh terjadi disebabkan kejahilan kuasa Barat dalam memahami perbezaan dan akar umbi konflik. Fenomena ini tidak semestinya didorongi oleh perbezaan budaya, agama atau peradaban. Menurut Said lagi tesis Huntington itu sebenarnya bertujuan untuk “... *reinforcing defensive self-pride than for critical understanding of the bewikdering interdependence of our time.*” Ini boleh difahami dengan mudah kerana Huntington adalah seorang ideologis.²² Dalam nada yang berlainan, bagi menjelaskan kekaburan isu pertembungan antara peradaban ini, Profesor Syed Hussein al-Attas, seorang sarjana falsafah tempatan, menyatakan bahawa hakikatnya ‘*history is a conflict of two moral types – the predatory and the constructive – and these can be found in all societies, all civilizations.*’²³

Kontroversi yang diuja mengenai pro dan kontra tesis pertembungan peradaban ini memperoleh momentum baru apabila tragedi September 11 ke atas World Trade Centre di New York dan Pentagon di Washington tercetus. Walaupun tiada bukti kukuh dikemukakan oleh kerajaan Amerika Syarikat, namun Al-Qaeda pimpinan Usama bin Laden telah disabitkan sebagai dalang di sebalik keganasan tersebut.²⁴

Hakikatnya walaupun polemik ini telah mengisi ruang intelektual yang begitu lama sejak tulisan pertama ‘*Clash of Civilizations?*’ pada tahun 1993 dan kemudian

²² Lihat tulisan Edward Said bertajuk *The Clash of Ignorance* yang termuat dalam akhbar The Nation versi internet, 22 Oktober 2001. (www.thenation.com/doc.mhtml?l=20011022&s=said)

²³ Lihat *The Straits Times Interactive*, Clash of civilizations? Bunkum tulisan Chua Lee Hoong. (<http://straitstimes.asia1.com.sg/>)

²⁴ Chandra Muzaffar, “The War on Terrorism and Hegemonic Power”. dlm *Muslim, Dialogue, Terror* (Petaling Jaya : JUST, 2003), hlm. 113

dalam bentuk buku bertajuk *'Clash of Civilizations and The Remaking of World Order'* pada tahun 1996 diterbitkan, ia telah – secara tidak langsung – menyedarkan peri pentingnya masyarakat manusia dari dua belahan dunia, Timur dan Barat untuk hidup bersama.

Kesedaran ini telah diterjemahkan melalui banyak aktiviti dan sesi forum, persidangan dan dialog di kalangan intelektual, aktivis sosial daripada NGO dan pembuat dasar hubungan luar negara. Usaha-usaha positif sebegini sebenarnya telah didorongi dan mendapat momentum besar hasil inisiatif ketua kerajaan Republik Islam Iran, Presiden Seyyed Mohamad Khatami melalui ucapannya di platform antarabangsa PBB. Sebagai responnya ke atas tesis Huntington, dalam ucapannya di Perhimpunan Agung PBB pada 21 September 1998, Khatami telah menyeru masyarakat antarabangsa agar menginstitusikan dialog bagi menggantikan konfrantasi dan keganasan. Kaedah ini memberikan alternatif praktikal bagi mengatasi konflik yang sedang melanda dunia semasa. Cadangan mengenai diadakan dialog antara peradaban termuat sebagai intisari ucapannya seperti berikut :²⁵

“Establishment and enhancement of civility, whether at national or international level is contingent upon dialogue among societies and civilizations representing various views, inclinations and approaches. If humanity at the threshold of the new century and millennium devotes all efforts to institutionalize dialogue, replacing hostility and confrontation with discourse and understanding, it would leave an invaluable legacy for the benefit of the future generations.”

²⁵ Lihat Hans van Ginkel, “Education and the Dialogue Among Civilizations”, *United Nations University Global Seminar Shimane Session IT, the Family and Gender : Coping with Socio-Economic Change in the Information Age*, 24-27 July 2001, Shimane Japan, hlm. 2

Susulan daripada seruan ini, Perhimpunan Agung PBB sesi ke-54 pada 4 November 1998 telah meluluskan resolusi 53/22 untuk menerima dan mengisytiharkan tahun 2001 sebagai Tahun Dialog Antara Peradaban (the United Nations Year of Dialogue Among Civilizations). Sehubungan dengan ini juga, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan telah menjelaskan kepentingan penganjuran dialog peradaban ini dalam satu ucapannya di School of Diplomacy and International Relations, Universiti Seton Hall, South Orange, New Jersey pada 5 Februari 2001, yang berbunyi :

*“The United Nations – at its best – can be true home of the dialogue among civilizations; the forum where such dialogue can flourish and bear fruit in every field of human endeavour”. Without this dialogue taking place every day among all nations – within and between civilizations, cultures and groups – no peace can be lasting and no prosperity can be secure. That is the lesson of the United Nations’ first half century. It is a lesson that we ignore at our peril.”*²⁶

Satu dokumen yang bermanfaat dalam memberikan latar belakang dan peranan PBB dalam hal ini ialah kertas kerja bertajuk ‘*Crossing the Divide : Dialogue among Civilizations*’ yang disampaikan oleh Profesor Tommy Koh, Ambassador Singapura dalam *Third Daisaku Ikeda Annual Lecture*. Beliau telah menggariskan tiga faktor utama yang membawa kepada penerimaan resolusi 53/22 yang mengisytiharkan tahun pertama abad ke-21 iaitu tahun 2001 sebagai ‘Tahun Dialog antara Peradaban’. Selain daripada provokasi tesis Huntington, dua faktor lain ialah pandangan *exclusionist* daripada Fukuyama yang termuat dalam bukunya bertajuk *The End of History and The Last Man*. Fukuyama tegas berpendapat bahawa apabila berakhirnya sosialisme dan komunisme selepas Perang Dingin tamat hanya ada satu sahaja doktrin atau ideologi yang sah dan

²⁶ *Ibid.*

koheren untuk dianuti dan dihayati seluruh negara di dunia ini iaitu kapitalisme Barat dan demokrasi liberal.

Namun pandangan ini yang jelas *western-centric* boleh menyebabkan ramai di kalangan orang Amerika dan Barat lainnya percaya bahawa semua peradaban lain tidak mempunyai masa depan sekiranya tidak menerima intitusi asas Barat ini. Justeru, ini boleh mewujudkan ketakutan di negara-negara dunia ketiga bahawa penaklukan atau hegemoni budaya dan intelektual bakal berlaku apabila hanya satu sudut pandangan, satu sistem nilai dan satu set institusi sahaja yang akan diterima pakai secara sah manakala yang lainnya ditolak.

Faktor ketiga yang berkaitan dengan ‘kebenaran’ tesis Huntington ialah teretusnya konflik dan perang selepas berakhirnya Perang Dingin. Peristiwa perpecahan Yugoslavia dan kemudiannya pembersihan etnik oleh orang Serb (Kristian ortodoks) ke atas orang Bosnia (Islam) di Bosnia-Herzegovina memaparkan *primordial instinct* yang tidak bertamadun masih wujud dalam sesebuah masyarakat moden. Dunia yang masih tidak aman turut dikocakkan lagi dengan perang kabilah atau perang saudara seperti yang terjadi di Rwanda Afrika antara kabilah Hutu dan Tutsi. Di Benua India pula konflik lama antara India Hindu dengan Islam terus berlangsung. Begitu juga krisis antara kerajaan India dengan kerajaan Pakistan – dua buah kuasa nuklear – dalam perebutan wilayah Kashmir.

Mengamati keadaan semasa ini, umumnya keadaan dunia tidak pun aman seperti yang diharapkan selepas Perang Dingin tahun 1989. Tidak ada konflik yang boleh disifatkan terpencil dan tiada kesan atau pengaruh kepada dunia kerana hakikatnya kini 'dunia adalah tanpa sempadan' atau wujudnya 'perkampungan sejagat' dalam dunia digital hari ini. Menyedari hal inilah maka PBB membuat keputusan bahawa konflik seterusnya boleh dan mesti dielakkan. Pada masa yang sama punca-punca konflik mestilah difahami, misalnya kedangkalan atau kesalahfahaman atau ketidaksefahaman antara sesama manusia yang berbeza etnik, kepercayaan, budaya dan peradaban. Dengan tekad ini, tahun permulaan abad ke-21 telah dipilih dan dimasyhurkan sebagai 'Tahun Dialog antara Peradaban'.

Lanjutan daripada ini berbagai dokumen dan resolusi berhubung dengan saranan dan penganjuran dialog peradaban ini telah dikeluarkan. Umumnya resolusi-resolusi ini menggariskan konsep dan kaedah umum dialog untuk diimplementasi di setiap negara. Kini dialog peradaban bukan lagi suatu idea atau retorik bahkan ia telah diterima sebagai satu kaedah dalam membantu ke arah penyelesaian konflik sesama manusia.

Namun sungguhpun idea dialog peradaban telah dikemukakan oleh Presiden Republik Iran, Seyyed Mohammad Khatami pada tahun 1998 sebagai respon kepada tesis '*Clash of civilizations*' oleh Huntington (1993), namun idea yang mirip kepada penganjuran dialog antara peradaban ini telah lebih awal dicadangkan oleh sarjana Islam seperti Ismail al-Faruqi. Malah aktiviti dan inisiatif berkaitan dengan penganjuran dialog

peradaban telah lama bermula sebelum cadangan dikemukakan oleh Khatami kepada PBB seperti yang akan dicontohkan di bawah.

Dialog peradaban boleh berlangsung dalam beberapa bentuk atau jenis tertentu, sama ada dialog antara agama (*inter-religious* atau *inter-faith dialogue*), budaya, aliran pemikiran falsafah atau umumnya peradaban itu sendiri.

Di peringkat antarabangsa, diketahui banyak siri dialog peradaban dalam bentuk-bentuk yang disebutkan di atas telah diadakan. Di antaranya ialah '*Inter-Religious Peace Colloquium : The Muslim-Jewish-Christian Conference of the "Triologue of the Abrahmic Faiths"*' yang dianjurkan oleh American Academy of Religion dalam persidangan tahunannya di New York pada 1979.²⁷ Pada 24 hingga 27 Julai 1996, di Kaherah Mesir pula dianjurkan General Conference of the Supreme Council of Islamic Affairs dengan tema "*Islam and the Future of Civilizational Dialogue*".²⁸

Selain daripada itu, beberapa institusi NGO telah diasaskan khusus dalam mempromosikan dialog peradaban. Di Iran, *Center for Dialogue among Civilizations* (CADC) telah ditubuhkan bagi mempromosikan keamanan sejagat menerusi pentas dialog peradaban di peringkat tempatan dan antarabangsa.²⁹ Lebih awal daripada itu *International Progress Organization* (IPO) telah ditubuhkan. Pertubuhan yang dipimpin

²⁷ Buku bertajuk *Triologue of the Abrahmic Faiths* yang disunting oleh Ismail Raji al Faruqi telah diterbitkan oleh International Insitute of Islamic Thought pada 1986 hasil daripada persidangan ini.

²⁸ Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah yang bertajuk *Dialogue and Civilizational Interaction from an Islamic Perspective* oleh Dr Abdulaziz Othman Altwaijri, Director General of the Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)

²⁹ Lihat *Mahjubah*, hlm. 15

oleh Dr Hans Koehlar ini menyatakan bahawa pertubuhan ini adalah antara yang terawal mempelopori usaha untuk menginstitusikan dialog peradaban iaitu semenjak tahun 1974 lagi.³⁰

PBB juga ada menganjurkan program yang serupa, misalnya *International Conference on Dialogue among Civilizations* pada 23 hingga 26 April 2001 di Vilnius, Lithuania.³¹

Di Malaysia sendiri beberapa siri dialog antarabangsa telah berjaya dilangsungkan misalnya Dialog Islam-Konfusianisma (1996), dan Dialog Islam Barat (1996) oleh Universiti Malaya. Lanjutan dan hasil daripada kejayaan dialog ini ialah penubuhan Pusat Dialog Peradaban. Di samping itu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga ada menganjurkan seminar Islam-Barat bertemakan “*Europe and the Islamic World*” pada tahun 1998.³² Pemasyhuran dialog peradaban diteruskan lagi apabila Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Kongres Peradaban Malaysia dari 12 hingga 14 Jun 2001.

Semua aktiviti yang dinyatakan di atas adalah selari dan menepati kehendak dan aspirasi dialog peradaban seperti yang digalakkan oleh PBB untuk menyampaikan mesej keamanan dengan cara yang toleran. Melalui pendekatan ini, dipandu oleh kod etika, masyarakat Barat dan Timur – walau apapun anutan dan pegangan hidupnya – akan dapat saling menerima dan faham memahami titik-titik perbezaan selain daripada persamaan

³⁰ Lihat laman webnya www.i-p-o.org

³¹ Persidangan ini telah menghasilkan *Deklarasi Vilnius* lapan perkara.

³² Sebuah buku bertajuk *The Islamic World and Europe: Some Issues* diterbitkan oleh IKIM sempena dengan kejayaan menganjurkan seminar ini.

yang ada di kalangan mereka terutamanya dari segi pandangan semesta dan kepercayaan agama agar semua bangsa dapat hidup bersama.

2.4.1 Pandangan dan Pengalaman Islam Terhadap Dialog Peradaban

Pandangan Islam terhadap penganjuran dialog peradaban adalah sangat jelas. Ismail Raji al-Faruqi dalam tulisannya *Islam and Other Faiths*³³ menyatakan bahawa idea dan teori terhadap kepercayaan yang berlainan seperti Kristian, Yahudi dan Hindu yang disokong oleh fakta sejarah empat belas abad yang lalu masih menguasai sikap dan pendirian umat Islam di seluruh dunia. Pendirian Islam terhadap agama-agama lain seperti Yahudi dan Kristian dinyatakan dalam tiga perkara yang utama.

Pertama, Islam bukan sahaja toleran namun menganggap agama-agama tersebut juga suci, nabi mereka adalah nabi orang Islam juga dan wahyu mereka diturunkan daripada tuhan yang sama. Kedua, semua agama berasal dari akar umbi *din al fitrah*. Ini memberikan ruang dan syarat asasi untuk berlakunya dialog dan hubungan antara agama yang konstruktif. Ketiga, Islam melahirkan kemanusiaan baru (*new humanism*) kerana ia diasaskan daripada kepercayaan dan keimanan baru terhadap Allah s.w.t., tuhan yang esa dalam diri manusia. Perkara-perkara ini menyediakan asas yang kukuh untuk kerjasama antara agama dan memenuhi aspirasi dan kesedaran baru di kalangan manusia pada abad

³³ Ismail Raji al-Faruqi, "Islam and Other Faiths" dlm. *The Challenge of Islam*, Altaf Gauhar, ed. (Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, 1978), hlm. 106-111

ke-20 M iaitu “*mankind must live together, every group of it interdependent with all others.*”³⁴

Di samping itu, Profesor Osman Bakar pula dalam bukunya bertajuk *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for A Truly Universal Civilization* menyatakan bahawa idea umat Islam sebagai umat pertengahan (*middle nation*) ataupun *ummatan wasatan*³⁵ adalah suatu yang bersesuaian dan boleh terserap dalam kepercayaan, pemikiran dan tingkah laku manusia³⁶. Menurutny lagi di bawah suluhan konsep ummatan wasatan ini. Islam telah pun, dalam pengalaman 14 abad yang lalu, mengadakan interaksi dan membina hubungan dengan peradaban dunia lain, belajar dan menyerap unsur-unsur peradaban luar, lalu mensintesis dan mengembangkannya menjadi suatu yang baru dan lebih maju sifatnya berbanding dengan yang lama.³⁷

Dalam bukunya bertajuk *Kebangkitan Asia*, Anwar Ibrahim menyatakan mesej universal dalam al-Quran, Surah al-Hujurat, ayat 13³⁸ ditujukan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi buat seluruh manusia iaitu perintah yang dinyatakan sebagai *li ta'arafu* yang bermaksud saling mengenal.³⁹ Islam sebagai *ad-deen*, menerusi tasawwurnya yang universal, mengiktiraf kelainan ras, bahasa, warna kulit, malah kepercayaan yang dianuti. Konsep *li ta'arafu* iaitu untuk saling kenal mengenal membawa inspirasi dan semangat

³⁴ *Ibid.*, hlm. 83

³⁵ Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2):143

³⁶ Osman Bakar, *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for A Truly Universal Civilization* (Kuala Lumpur: Center for Civilizational Dialogue, 1997), hlm.12

³⁷ *Ibid.*, hlm. 13

³⁸ Mafhumnya: “*Hai manusia, Kami ciptakan kamu dari sepasang lelaki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.*”

³⁹ Anwar Ibrahim, *Kebangkitan Asia*, Edisi Bahasa Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), hlm. 37

berdialog antara individu, masyarakat, dan negara yang berbeza latar agama, sosio-budaya dan dalam konteks yang luas, berlainan peradaban. Anjuran ini boleh menyuburkan rasa kesalingan (*reciprocality*), dan kebersamaan (*togetherness*).⁴⁰ Islam melihat perbezaan bukanlah asas untuk bermusuh melainkan maruahnya sebagai agama (aqidah) dicabar dan ditentangi oleh mana-mana pihak. Perbezaan seseorang dengan seseorang yang lain hanyalah dari sudut ketaqwaannya kepada Allah s.w.t. pencipta alam ini.

Kepelbagaian yang membezakan dari segi warna kulit, bahasa, budaya – asalkan tidak ekstrim atau menjolok mata – diiktiraf Islam, ibarat tujuh warna yang berbeza pada pelangi. Ia adalah kombinasi yang sempurna hingga melahirkan kecantikan alam ciptaan Allah s.w.t.

Melihat kepada faktor sejarah silam, peradaban Islam telah menyediakan suasana kehidupan yang sejahtera dan selamat kepada umatnya. Menurut Islam manusia dengan segala sifatnya yang rencam dan pelbagai itu boleh hidup bersama (*co-exist*) secara damai, aman dan harmonis. Generasi awal Islam di Madinah di bawah pimpinan Rasulullah SAW adalah bukti nyata kepada fenomena ini di mana masyarakat ketika itu dimajmukkan oleh orang Islam Ansar (Aus dan Khazraj) dan Muhajirin (dari Mekah), suku-suku atau kabilah-kabilah lain, dan orang Yahudi dari bani Nadhir dan lain-lain. Dari segi kenegaraan, Piagam Madinah (*Sahifah Madinah*) yang digubal Rasulullah menjadi undang-undang dan penaung kepada kehidupan masyarakat yang plural ketika itu.

⁴⁰ Lihat Zaid Ahmad, “*Pluralisme dan Dialog Peradaban : Meninjau Sudut Pandangan Islam*”, Pluralism Studies Research Group, Departmen of Social & Development Sciences, UPM

Golongan bukan Islam sebagai minoriti hidup dalam suasana aman damai dan selamat kerana dasar Islam yang mengiktiraf golongan ini (sebagai *Kafir dhimmi*) dan segala hak asasi mereka dijamin. Keadilan yang menjadi ciri asas pemerintahan Islam telah menyamatarafkan semua rakyat, Muslim dan bukan Muslim tanpa prejudis.⁴¹ Kisah kekalahan Saidina ‘Ali dengan pencuri baju besinya oleh si Yahudi di mahkamah syariah Islam kerana kekurangan bukti adalah bukti klasik yang jelas dalam hal ini.

Maka, dengan premis dan fakta sejarah di atas, hakikatnya Islam sangat menggalakkan idea dialog peradaban ini. Pada masa yang sama Islam bukanlah agama yang anti-keamanan, dan menganjur terrorisme. Islam perlu dilihat dari kaca mata yang jernih iaitu dengan mengkaji Islam dari sumber yang autentik, bukan dengan bersandarkan kepada apa yang dipamerkan oleh para penganutnya semata-mata lebih-lebih lagi dalam konteks hari ini. Ini adalah kerana pemikiran dan budaya hidup orang Muslim hari ini jauh dari teori dan amalan sebenar sejak keruntuhan Khilafah Islam Turki Uthmaniah. Ini dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang masyhur (bermaksud): “*Yang terbaik daripada kalangan umatku ialah generasiku kemudian mereka yang mengikutinya dan yang mengikuti sesudah itu.*” Ini bermakna umat terdahulu lebih baik dari sudut keimanan (aqidah), dan amalan berbanding dengan umat-umat terkemudian.

⁴¹ Kupasan yang mendalam dan menyeluruh mengenai keamanan dari kaca mata Islam boleh dirujuk daripada tulisan Syed Qutb bertajuk *Islam dan Keamanan Sejagat*. Beliau bukan sahaja memberikan teori keamanan tapi juga menggali seerah nabi dan sejarah para sahabat sebagai dalil bagi menyokong hujah bahawa Islam adalah agama perdamaian dan keamanan, dan bukan sebaliknya.

2.4.2 Pandangan dan Pengalaman Barat terhadap Dialog Peradaban

Sepertimana Islam, umumnya pandangan Barat terhadap usaha mengadakan dialog peradaban adalah positif, dilihat dari segi anjuran agama Kristian mahupun dari sudut pemikiran atau intelektualisme mereka. Apatah lagi Kristian adalah agama serumpun dari langit (agama *samawi*) seperti Islam dan Judaisme. Walaupun perbezaan jelas dari sudut akidah dan syariat, lebih-lebih lagi dalam konteks hari ini masih wujud persamaan dalam hal-hal tertentu.⁴² Misalnya dalam hal menjelmakan kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain :

Islam : *“Tidak seorang pun di antara kamu yang beriman sepanjang tidak mencintai saudaranya sebagaimana mencintai dirinya sendiri.”* (Empat Puluh Hadis Imam Nawawi)

Kristian : Yesus dari Nazareth : *“Apa yang kamu inginkan dari orang lain untuk lakukan padamu, lakukan juga pada mereka.”* (Matius 7:2)⁴³

Justeru, pandangan Kristian dalam hal berdialog atau seruan ke arah usaha untuk saling memahami antara satu sama lain selari dengan pandangan Islam asalkan tidak menyentuh *‘spiritual privacy’* masing-masing.⁴⁴

⁴² Martin Goldsmith, *What about other faiths? Is only Jesus Christ the only way to God?* (London: Hodder & Stoughton, 2003), hlm. 166

⁴³ Lihat Edi Mulyono, *Agama Perdamaian atau Narsitis?* Dalam Basis, Nomor 03-04, Tahun ke-49, Maret - April 2000, hlm 49

⁴⁴ Istilah *‘spiritual privacy’* telah dikemukakan oleh Ustaz Muhammad Uthman el-Muhammady dalam Perbincangan Meja Bulat *‘Islam dan Dialog Peradaban’* di Dewan Persidangan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pada 23 Disember 2003.

Pengalaman berinteraksi atau berdialog masyarakat Kristian dengan masyarakat Islam berlaku di bawah pemerintahan Islam seawal tahun 630-an Masihi di Jerusalem dan di Abbasid (750-1250 M). Dalam hal ini Jonathan Bloom dan Sheila Blair, sebagaimana dipetik oleh Amin Saikal, mencatatkan :

*“In the Islamic lands, not only Muslims but also Christians and Jews enjoyed the good life. They dressed in fine clothing, had fine houses in splendid cities serviced by paved streets, running water, and sewers and dined on spices delicacies served on Chinese porcelains. Seated on luxurious carpets, these sophisticated city dwellers debated such subjects as the nature of god, the intricacies of Greek philosophy, or the latest Indian mathematics. Muslims considered this Golden Age God’s reward to mankind for His faith and His speech over the world.”*⁴⁵

Namun pengalaman interaksi damai ini berubah apabila Tentera Salib dan kolonial Barat menakluki negara-negara Islam. Orang Islam di bawah taklukan dan pemerintahan tentera Salib bukan sahaja dihina dan dihalau dari bumi mereka bahkan dibunuh. Ahmad Zidan mencatatkan :

*“History records the following catalogue of Muslim massacres initiated by Christians and Jews since 1099, when the Crusaders first when to into Jerusalem. Between 1099 ad 1186, Christian crusaders massacred more than one million Muslims in the Middle East, and Christian Mongol mercenariès in the service of crusaders between 1221 and 1258 butchered more than three million Muslims before burning Baghdad.”*⁴⁶

⁴⁵ Amin Saikal, *Islam and The West Conflict Or Cooperation?* (New York: Palgrave Macmillan, 2003), hlm.30

⁴⁶ Ahmad Zidan, *World Arrogance* (Kuala Lumpur: A.S.Nordeen, 1994), hlm. 63

Layanan kejam dan kasar ini boleh dikatakan berlangsung sepanjang peristiwa penaklukan atau penjajahan kuasa Barat ke atas dunia Islam.

Melihat kepada kedudukan Barat sebagai suatu kuasa kolonial dan empayar besar dahulu dan kini, sikap mereka terhadap peradaban lain dapat dijelaskan melalui penghayatan dan pelaksanaan konsep '*The White Man's Burden*'. Pendekatan sebegini tidak banyak berubah walaupun dunia memasuki alaf baru sekarang. Bahkan sikap dan pendekatan hegemoni mereka makin terserlah berikutan dasar luar dan tindakan ketenteraan, politik dan ekonomi ke atas negara-negara lemah dari dunia ketiga terutamanya di kalangan negara umat Islam yang kaya hasil buminya. Justeru, usaha penganjuran dialog peradaban yang dipromosikan oleh pihak Barat hari ini terhad dalam lingkungan dunia akademik, NGO dan bukannya badan pembuat dasar dalam kerajaan Barat. Inisiatif ini mendapat sambutan baik di kalangan pihak-pihak yang disebutkan tadi. Kesedaran ini masih perlu diperluaskan terutamanya di kalangan para pemerintah Barat.

Selagi kesedaran untuk berdamai mengikut pandangan agama dan kemanusiaan tidak hadir dalam hati nurani manusia, selagi itulah penganjuran dialog peradaban tidak akan mencapai hasil yang ekstensif dan efektif.